



**TEKS UCAPAN
YANG AMAT BERHORMAT
DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI
BIN TUN ABANG HAJI OPENG
KETUA MENTERI SARAWAK
SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENGECUALIAN
KAWAL SELIA LPG DI NEGERI SARAWAK
KEPADA SEDC ENERGY SDN. BHD.**

**9 SEPTEMBER 2021; 12.00 TENGAH HARI
CONFERENCE ROOM, PEJABAT KETUA MENTERI SARAWAK
WISMA BAPA MALAYSIA, PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Terima kasih Tuan Pengacara Majlis,

- 1. YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna**
- 2. YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Timbalan Ketua Menteri Sarawak**
- 3. YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan
Timbalan Ketua Menteri Sarawak**
- 4. YB Datuk Seri/Dato' Menteri-Menteri Kabinet Sarawak**
- 5. YB Datuk Seri/Dato' Menteri-Menteri Muda Sarawak**
- 6. Yang Berhormat Datuk Amar Jaul Samion
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak**
- 7. Yang Berbahagia Dato' Amir bin Omar
Setiausaha Persekutuan Sarawak**

8. **Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid bin Bugo
Pengerusi, Petroleum Sarawak Berhad (PETROS)**
9. **Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Abdul Aziz bin
Dato Haji Husain, Pengerusi, SEDC Energy Sdn Bhd**
10. **Dif-Dif Kehormat, dan**
11. **Pegawai-Pegawai Kanan KPDNHEP dan Kerajaan Negeri
Sarawak**

KATA-KATA ALUAN

1. Saya pertamanya mengucapkan Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah swt di atas rahmat dan lindunganNya kita dapat bertemu di dalam majlis pada hari ini. Tahniah kepada urus setia majlis atas kejayaan menganjurkan majlis ini dengan pematuhan kepada SOP yang ditentukan dalam suasana pandemik yang boleh saya sifatkan sebagai mencabar ketika ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENGHARGAAN

2. Terutamanya sekali saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob yang masih meneruskan pemakaian pengecualian pemakaian Akta Kemajuan Petroleum 1974 ("PDA") dan Akta Kawalan Bekalan 1961 ("CSA") bagi kawal selia Gas Petroleum Cecair ("LPG") di negeri Sarawak. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin yang telah bersetuju dan memutuskan supaya pengecualian pemakaian PDA dan CSA bagi kawal selia LPG di negeri Sarawak kepada SEDC Energy Sdn. Bhd.

3. Pengecualian ini merupakan pengiktirafan Kerajaan Persekutuan ke atas kapasiti Kerajaan Negeri serta kemampuan organisasi korporat dan rakyat Sarawak untuk mengawal selia dan mempunyai keterlibatan yang lebih bermakna dalam industri minyak dan gas di Negara ini. Kedua-dua perkara ini akan membolehkan Sarawak mengambil peranan yang lebih

aktif dalam industri minyak dan gas sepertimana aspirasi Kerajaan Negeri selama ini, demi kemajuan Sarawak dan kesejahteraan rakyat.

4. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas dedikasi dan syabas kepada Pengurusan dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di atas kejayaan dalam perundingan berkenaan kedua-dua perkara ini.

5. *Distribution of Gas Ordinance 2016 (DGO)* telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 21 November 2016 bagi mewujudkan satu rangka kerja kawal selia gas yang menyeluruh di negeri ini merangkumi sepanjang rangkaian bekalan daripada *upstream* sehingga *downstream* supaya pembekalan tenaga di Sarawak dapat dijalankan dengan cekap, selamat dan terjamin kepada industri dan rakyat.

6. Dengan berkuatkuasanya DGO ini pada 1 Julai 2018, wujud keperluan untuk mendapatkan pengecualian daripada Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 daripada Kerajaan Persekutuan. Dengan pengecualian yang diberikan ini, aktiviti pengedaran dan kawal selia gas di Sarawak akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan serta mengurangkan karenah birokrasi. Dengan terpakainya

DGO tersebut, sebagai satu-satunya perundangan/punca kuasa bagi kuasa kawal selia LPG di negeri Sarawak, Kementerian Utiliti Sarawak berperanan memastikan bekalan LPG di negeri Sarawak berjalan dengan lebih lancar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

STATUS SEMASA KAWAL SELIA GAS PETROLEUM CECAIR (LPG) DI SARAWAK SERTA PENGLIBATAN SEDC ENERGY SDN. BHD DALAM INDUSTRI HILIRAN PETROLEUM

7. PETROS adalah syarikat minyak dan gas negeri ini yang ditubuhkan pada 2017 sebagai cabang minyak dan gas Kerajaan Negeri yang diberi mandat untuk berkecimpung dalam industri tersebut di peringkat hulu dan juga hiliran, *upstream and downstream*. PETROS mengoperasikan Perjanjian Penyelesaian Secara Komersil (CSA) yang telah dimetrai dengan PETRONAS yang memberi hak ekuiti kepada PETROS bagi operasi di luar pantai Sarawak. Untuk operasi di daratan PETROS mempunyai hak sepenuhnya melalui OMO 1958 dengan award penerokaan dan pengeluaran pertama bagi medan minyak berdekatan Miri

dan Marudi Selatan kepada syarikat yang telah berjaya dalam bidaan.

8. Bagi sektor hiliran Petros LPG sudah mula dipasarkan di pasaran tempatan dalam kerangka *Sarawak Gas Roadmap Utilisation Roadmap* untuk mempertingkatkan nilai sumber gas negeri ini di peringkat tempatan supaya dapat memberi lebih nilai sosio-ekonomi melalui penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Sarawak.

9. Alhamdulillah, SEDC Energy merupakan satu lagi entiti yang akan menjadi pemain yang penting untuk memperkasakan industri gas dan petrochemical di negeri ini yang juga mencerminkan peningkatan *ease of doing business*. Dengan peningkatan *ease of doing business* yang terzahir daripada pengecualian pemakaian PDA ini, saya juga berharap Kementerian Utiliti di bawah kepimpinan YB Dato Sri Dr. Stephen Rundi Utom akan terus mengorak langkah ke arah mewujudkan ekosistem industri utiliti yang berdaya saing dan mampu menarik pelaburan, di samping melindungi hak-hak pengguna gas dari aspek kesinambungan bekalan, kualiti gas dan perkhidmatan serta keselamatan pembekalan.

10. Saya juga melihat penglibatan Kerajaan dan agensi Negeri yang lebih aktif dalam industri petroleum ini akan membawa ke arah peningkatan modal insan rakyat Sarawak dalam sektor yang berkaitan, bukan sahaja dalam industri petroleum malahan industri *complementary* dan sokongan yang lain seperti pembuatan, kewangan dan lain-lain.

Hadirin yang saya hormati,

PENUTUP

11. Sebelum saya menamatkan ucapan saya hari ini, saya mengambil kesempatan ini juga untuk secara khususnya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan pasukan Dato Sri di KPDNHEP, kerana selepas sekian lama perkara ini dimohon oleh Kerajaan Negeri, semenjak 2016, akhirnya apabila YB Dato Sri menjawat jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, perkara ini dapat direalisasikan. Saya percaya pencapaian ini adalah refleksi terhadap *attitude go-getter* YB Dato Sri sendiri selaku anak jati Sarawak.

12. Saya menjamin Kerajaan negeri Sarawak akan sentiasa mengenalpasti peluang untuk menjalinkan kerjasama dengan KPDNHEP bagi menggalakkan pertumbuhan perdagangan dalam negeri, demi kemajuan ekonomi Sarawak juga yang akan membawa kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

13. Akhir kata, tahniah dan selamat maju jaya kepada PETROS dan SEDC Energy Sdn. Bhd., dan terima kasih atas kehadiran YBhg. Tan Sri, Datuk Seri, Datuk, tuan puan yang hadir ke majlis pada hari ini.

Sekian. Saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.